

02/07/1998

Artis veteran, baru jayakan Konsert Antara Dua Irama

KONSERT Antara Dua Irama - P Ramlee Dalam Kenangan yang akan disiarkan menerusi NTV7, pada 7 Julai ini bukan saja dianggap sebagai simbolik penghargaan terhadap seniman agung negara, Allahyarham Tan Sri P Ramlee tetapi juga rakan seangkatannya sama ada yang hidup ataupun sudah meninggal dunia.

Sehubungan itu, Konsert Antara Dua Irama - P Ramlee Dalam Kenangan turut membabitkan beberapa artis veteran termasuk Aziz Sattar, Datuk Ahmad Daud, Datin Saadiah, Kassim Masdor, Yusnor EF dan S Shamsuddin.

Di samping itu, tidak ketinggalan artis baru seperti Jay Jay, Sam (Innuendo), Erra Fazira, Ning Baizura, Camelia, A To Z, Siti Nurhaliza, Sharizan dan Ziana Zain.

Produser Konsert Antara Dua Irama - P Ramlee Dalam Kenangan, Afdlin Shauki, berkata pada mulanya, mereka mahu membabitkan lebih ramai artis veteran tetapi rancangan itu terpaksa dilupakan kerana kesuntukan masa.

"Jangka masa konsert ini cuma 90 minit. Terlalu suntuk, apatah lagi ada ramai artis baru yang akan membuat persembahan."

"Oleh itu, kami memutuskan hanya enam artis veteran yang beraksi manakala selebihnya sebagai tetamu."

"Mungkin kita akan bagi peluang untuk mereka beraksi selepas ini. Kita mempunyai ramai artis veteran seangkatan P Ramlee, tetapi terpinggir begitu saja."

"Jadi, saya fikir lebih baik kita anjurkan majlis istimewa seperti Konsert Antara Dua Irama - P Ramlee Dalam Kenangan sebagai bukti menghargai segala jasa dan sumbangan mereka kepada industri selama ini," katanya.

Menurut Afdlin, rancangan berkonsep hiburan-dokumentari, selain menggabungkan unsur muzikal serta filem itu disiarkan secara langsung dari Studio 1, Pusat Penyiaran NTV7 di Shah Alam, Selangor.

Ia diterbitkan sempena pelancaran pusat penyiaran stesen televisyen swasta itu di Shah Alam dan Kuching yang dijadual disempurnakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Muzik akan dialunkan secara langsung oleh sekumpulan pemuzik profesional seperti Lewis Pragasam (dram), Mac Chew (keyboard), Hanafi Imam (bass akustik), Josie Thomas (gitar), Mat Shah (seksafon), Rejap (trombone) dan Connie Soliano (trompet).

Artis pula mempersembahkan koleksi lagu tradisional serta karya P Ramlee seperti Joget Pahang, Berkorban Apa Sahaja, Putus Sudah Kasih Sayang, Pok Pok Bujang Lapuk, Manusia, Malam Bulan Di Pagar Bintang, Lompat Apek Lompat, Maafkan Kami, Jelingan Manja, Maafkan Kami dan Bunyi Gitar.

(END)